

Lemah matematik jejas kejayaan usahawan — PM

Oleh ROZAMAN ISMAIL

KUALA LUMPUR 15 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kelemahan minda para usahawan dalam menguasai matematik merupakan salah satu faktor yang menjejaskan kejayaan mereka.

Beliau berkata, mata pelajaran Matematik bukan sekadar satu mata-pelajaran wajib di peringkat persekolahan formal sebaliknya menjadi ilmu asas bagi bidang profesional seperti perakaunan, pelaburan, perdagangan dan keusahawanan.

"Bidang-bidang ini memerlukan bukan sahaja minda matematik tetapi juga kemahiran menganalisis yang tajam," katanya ketika berucap melancarkan Program Bijak Sifir di Dataran Merdeka, di sini hari ini.

Program Bijak Sifir anjuran bersama Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Kementerian Pendidikan itu dijayakan oleh kira-kira 7,000 murid sekolah rendah di seluruh negara.

Majlis pelancaran tersebut turut dihadiri oleh Pengerusi ASNB, Tun Ismail Ali, Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud, Menteri Pengerangan, Datuk Mohamed Rahmat serta Menteri Belia dan Sukan, Ghani Othman.

Dr. Mahathir berkata, kelemahan minda matematik itu tidak boleh diatasi dengan hanya menekan butang alat pengira atau kalkulator saja sebaliknya perlu memahami asas-asas pengiraan.

"Kita perlu memahami asas pengiraan bagi membolehkan kita faham pengiraan yang dibuat oleh alat berkenaan dalam memberi jawapan kepada kita.

Menurut Dr. Mahathir, kelebihan yang terdapat pada alat pengira itu ialah kepantasannya membuat kira-kira dan sekiranya seseorang itu tahu asas pengiraan itu maka ia boleh dibuat tanpa menggunakan kalkulator.

"Walaupun ia memerlukan masa yang lebih panjang, bagi mereka yang cekap masa ini dapat dikurangkan kerana yang penting ialah kita memahami proses pengiraan," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengalukan usaha agensi-agensi seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan ASNB yang prihatin terhadap kelemahan sebilangan masyarakat di negara ini di bidang matematik dan pengiraan.

Perubahan

Jelasnya lagi, langkah Kementerian Pendidikan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran matematik di sekolah rendah adalah sangat baik dan wajar.

Antara perubahan yang perlu dibuat kata Dr. Mahathir, ialah mewajibkan guru-guru yang mengajar mempunyai pengetahuan mengenainya.

Kata beliau, dengan minat dan pengetahuan yang ada barulah seseorang guru itu boleh mengajar dengan berkesan.

"Mereka juga perlu dibekalkan dengan peralatan mengajar yang terkini, canggih dan berkesan," katanya.

Pendekatan pembelajaran pula kata Dr. Mahathir, perlulah menyeronokkan dan tidak membosankan serta dikaitkan dengan kehidupan harian masyarakat bagi memudahkan ia difahami dan bersesuaian dengan satu-satu masyarakat itu.

Bagaimanapun Perdana Menteri menegaskan, Program Bijak Sifir ini tidak seharusnya terhenti setakat sekolah rendah saja sebaliknya usaha-usaha penekanan dan peningkatan kesedaran di samping disiplin tentang sifir perlu diadakan untuk tempoh jangka panjang.

Mengenai tema "Cerdas Cergas" yang dipilih bagi program tersebut Perdana Menteri berkata, mental dan fizikal yang sihat adalah antara ciri-ciri penting bagi menghadapi pelbagai cabaran membangunkan negara.

Dr. Mahathir turut menyeru seluruh rakyat Malaysia agar melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan bagi menghadapi masa depan yang semakin mencabar.

"Kita semua mempunyai satu tugas penting iaitu menentukan negara Malaysia terus menempa kejayaan dan bergerak maju ke arah pencapaian Wawasan 2020," tambahnya.

Dalam usaha mengorak langkah ke arah itu kata beliau, setiap golongan rakyat mempunyai peranan penting dan ia termasuklah generasi muda seperti murid-murid di sekolah rendah.

Menurut Dr. Mahathir, Wawasan 2020 yang diwujudkan bukanlah ditujukan kepada golongan pekerja saja malah harus dihayati oleh murid-murid sekolah juga.

"Daripada segi pendidikan, kita mempunyai tanggungjawab membentuk semangat yang sesuai di samping memberi keutamaan kepada faktor-faktor yang dapat meningkatkan kepintaran berfikir dalam konteks sains, matematik dan teknologi," katanya.